

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 FEB 2015

SEBAHAGIAN daripada ribuan umat Islam terpaksa menunaikan solat jenazah Allahyarham Nik Abdul Aziz Nik Mat di pekarangan Masjid Tok Guru, Pulau Melaka berikutan ruang masjid itu tidak dapat menampung jumlah hadirin yang ramai di Kota Bharu, Kelantan, semalam. - BERNAMA



## Jumlah kehadiran bukti satu hati

Um - 14/2/2015

**KOTA BHARU 13 Feb.** - Kehadiran puluhan ribu rakyat termasuk pemimpin utama negara dalam majlis pengebumian Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat membuktikan semuanya bersatu hati walaupun mempunyai pelbagai perbezaan ideologi.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, pemergian bekas Menteri Besar itu juga memberikan pengajaran kepada semua tentang erti perjuangan yang sebenar.

"Hari ini puluhan ribu hadir, ini menunjukkan bagaimana hati kita semua bersatu walaupun kita mempunyai pelbagai perbezaan.

"Mudah-mudahan pemergian Allahyarham meninggalkan pengajaran yang berterusan kepada kita semua," katanya ketika berucap sebelum solat jenazah di Masjid Tok Guru, Pulau Melaka di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis pengebumian tersebut ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor serta pemimpin utama Pas. Jenazah Allahyarham dikebu-

mikan di Tanah Perkuburan Islam Pulau Melaka kira-kira pukul 10.55 pagi ini.

Sementara itu, Abdul Hadi mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang hadir.

"Saya mengajak semua kita berdoa kepada Allah supaya memberi rahmat, mengampun dan menerima segala amalan Tok Guru (Nik Abdul Aziz).

"Saya minta semua pihak yang terkilan hati dengan Tok Guru supaya mengampunkannya atau bertemu dengan kami serta ahli keluarga untuk menyelesaikannya," katanya.



ABDUL HADI AWANG turut berada di Tanah Perkuburan Islam Pulau Melaka bagi menyempurnakan proses pengebumian Allahyarham Nik Abdul Aziz Nik Mat, semalam.